



NESPRESSO MENJEMPUT PEMINAT KOPI UNTUK MERASAI KEENAKAN *FESTIVE WONDERS* BERSAMA KOLEKSI PERAYAAN EDISI TERHAD

Nespresso memperkenalkan hadiah bergaya Alpine dengan koleksi kopi edisi terhad, aksesori daripada kolaborasi mereka dengan Fusalp dan pelancaran CitiZ Platinum

Kuala Lumpur, 8 November 2023 - Membuka pintu pada alam perayaan kontemporari, **Nespresso** bersedia untuk memikat penggemar kopi dengan pelancaran koleksi percutian tahunannya – kali ini, diilhamkan oleh puncak bersalji pergunungan Alps.

Koleksi edisi terhad **Nespresso** menjemput pengguna untuk merasai keajaiban perayaan dan mengalami detik kegembiraan, di mana saat kopi sentiasa menanti. Berkenaan ini, penggemar kopi boleh menikmati pelbagai kopi edisi terhad untuk kedua-dua sistem *Original* dan *Vertuo* untuk dinikmati sepanjang masa; sama ada semasa bercuti di Genting Highlands yang sejuk, beristirehat semasa membeli-belah atau ketika menikmati Cahaya lampu perayaan Kuala Lumpur yang indah berkilaauan. Dari nota manis kepada pedas, koleksi kopi **Nespresso** Festive mempunyai empat kopi berperisa dan dua kopi hitam, tersedia untuk *Original* dan *Vertuo*.

Tawaran perayaan tersebut dimulai dengan *Festive Black Espresso* dan *Festive Black Double Espresso*, gabungan Arabika dari Honduras, Uganda dan sekitarnya. Kedua-dua campuran ini mempunyai aroma kayu bakar, diperkuuh dengan sentuhan nota manis dan pedas yang menghangatkan, serta nota buah jem untuk memikat deria rasa.

Nespresso turut memperkenalkan *Seasonal Delight Spices Flavoured*, kopi yang diinspirasikan oleh minuman perayaan yang tidak lapuk ditelan zaman, membawa anda merasai pemandangan, bunyi, dan pesona pasar perayaan akhir tahun yang klasik. Campuran Arabika ini mempunyai perisa pedas yang memikat daripada kayu manis, bunga cengklik, dan kek rempah, yang akan membawa deria rasa anda ke momen Après ski di lereng bukit.

Nikmati kopi yang melambangkan semangat perayaan bersama **Nespresso** yang memperkenalkan *Frosted Caramel Nut Flavoured*, dengan rasa karamel dan almond bercampur adunan Arabika untuk memberikan suasana perayaan yang dinantikan sepanjang tahun. Apabila nota bijirin malty kopi bergabung dengan rasa karamel yang hangat, nota biskut almond vanilla muncul, mengundang anda untuk berehat dan menikmati saat-saat ini sambil menonton filem Krismas klasik bersama orang tersayang.

Bagi setiap kopi yang telah direka sebagai sebahagian daripada koleksi edisi terhad, Pakar Kopi **Nespresso** juga telah mencipta resipi kopi yang lazat yang pasti akan memukau rakan-rakan anda semasa rumah terbuka hujung tahun anda. Pengguna boleh mengeluarkan kreativiti baru mereka dengan resepi mocktail berasaskan kopi, termasuk sentuhan khas **Nespresso** untuk Espresso Mocktini klasik. Semua resepi boleh didapati di www.nespresso.com/recipes.



Sambut musim perayaan dengan penuh gaya bersama kolaborasi **Nespresso x Fusalp**

Untuk mengenang kembali memori indah perjalanan anda ke pergunungan Alps Eropah, **Nespresso** bekerjasama dengan jenama pakaian riadah mewah dari Perancis, *Fusalp*, yang menampilkan gaya rupa sukan yang meraikan seni pergerakan dan keanggunan Perancis ketika bersuka dan beriadah di pergunungan Alps. Koleksi **Nespresso x Fusalp** merupakan gabungan gaya moden dan sofistikated dua jenama ini, yang mendapat inspirasi daripada corak smock berlian *Fusalp* yang ikonik.

Sebagai sebahagian daripada koleksi ini, **Nespresso** menawarkan pelbagai aksesori dan hadiah *Alpine Chic* edisi terhad, yang akan menggembirakan dan memberi inspirasi untuk keluarga dan rakan-rakan.

Tersedia untuk penggemar *Original* dan *Vertuo*, kini tiba masanya untuk memulakan musim perayaan dan membuka keajaiban harian dengan kalender advent **Nespresso x Fusalp** – menawarkan penggemar kopi dengan saat-saat yang tidak dapat dilupakan setiap hari. Pencinta kopi juga dapat merasai kegembiraan dengan Mug Kopi Perayaan **Nespresso x Fusalp** edisi terhad di sebalik pintu ke-24 kalender advent tahun ini. Mug ini diilhamkan daripada corak smock berlian *Fusalp* yang moden dan sofistikated – mencerminkan semangat elegan kolaborasi ini.

Melengkapi koleksi ini adalah **Nespresso Nomad Travel Mug** yang kini tersedia dalam warna Midnight Blue yang ikonik daripada *Fusalp* - membawa kegembiraan kepada mereka yang lebih suka menikmati kopi mereka sewaktu dalam perjalanan dan memberikan sentuhan baru kepada rangkaian sedia ada.

Raikan Keajaiban Perayaan dengan Mesin Kopi Baharu yang Elegan

Dalam semangat menjadikan musim perayaan lebih mempesonakan, **Nespresso** memperkenalkan CitiZ Platinum, salah satu mesin **Nespresso** Original Line. CitiZ Platinum adalah mesin pembancuh kopi yang padat, dengan elemen pemanas yang berkuasa. Ia menawarkan fleksibiliti untuk menyediakan pelbagai minuman kopi, termasuk Espresso (40ml), Lungo (110ml), Americano (150ml), Americano XL (200ml), dan air panas yang boleh diakses melalui 5 butang khusus yang mudah. Mesin sofistikated ini adalah pilihan yang tepat untuk penduduk bandar yang ingin meningkatkan pengalaman kopi mereka. Reka bentuk CitiZ Platinum yang anggun akan menyerlah di setiap dapur, menambah sentuhan elegan kepada kemudahan yang ditawarkannya.

Harga dan Ketersediaan

Nespresso membawa suasana perayaan dengan campuran kopi edisi terhad yang menarik, bermula dari *Festive Black Espresso*, *Festive Black Double Espresso*, *Seasonal Delight Spices Flavoured* dan *Frosted Caramel Nuts Flavoured* yang berharga RM34 setiap bungkus untuk *Original*. Bagi *Vertuo*, kopi hitam daripada koleksi edisi terhad ini dijual dengan harga RM38 sebungkus, manakala kopi berperisa boleh dinikmati pada harga RM45 sebungkus. Setiap bungkus mengandungi 10 kapsul kopi, masing-masing menanti untuk memberikan pengalaman kopi yang menarik. Seperti semua saat yang dikongsi, koleksi ini hanya boleh dibeli dalam tempoh masa terhad dan dalam kuantiti terhad, selagi stok masih ada.



Untuk mereka yang menyukai kejutan harian pada musim perayaan ini, hadiahkan diri anda dengan Kalender Advent **Nespresso**. Tersedia untuk kedua-dua sistem *Original* dan *Vertuo*, kegembiraan perayaan ini masing-masing dijual pada harga RM210 dan RM260. Penggemar kopi juga boleh membawa pulang **Nespresso** edisi terhad Nomad Travel Mug dalam warna Midnight Blue pada harga RM149. Mesin **Nespresso** CitiZ Platinum baharu pula dijual pada harga RM 1099.

Koleksi perayaan **Nespresso** kini boleh dibeli di Butik **Nespresso** di The Gardens Mall, 1 Utama Shopping Centre, Sunway Pyramid, Pavilion Kuala Lumpur, 163 Retail Park Mont Kiara, Mid Valley Southkey, Johor Bahru dan Gurney Plaza, Pulau Pinang; juga melalui aplikasi mudah alih **Nespresso**, laman web rasmi **Nespresso** (www.nespresso.com) dan melalui Customer Careline kami di 1800 80 7001 (waktu operasi: setiap hari dari 08:00 hingga 22:00, panggilan percuma).

-TAMAT-

NOTES TO EDITORS

About Nestlé Nespresso SA

Nestlé Nespresso SA is the pioneer and reference for highest-quality portioned coffee. The company works with more than 140,000 farmers in 18 countries through its AAA Sustainable Quality™ Program to embed sustainability practices on farms and the surrounding landscapes. Launched in 2003 in collaboration with the NGO Rainforest Alliance, the program helps to improve the yield and quality of harvests, ensuring a sustainable supply of high-quality coffee and improving livelihoods of farmers and their communities.

In 2022, Nespresso achieved B Corp™ certification - joining an international movement of 6,500 purpose-led businesses that meet B Corp's high standards of social and environmental responsibility and transparency.

Headquartered in Vevey, Switzerland, Nespresso operates in 74 countries and has over 13'000 employees. In 2022, it operated a global retail network of 791 boutiques. For more information, visit the Nespresso corporate website: www.nestle-nespresso.com.

About Fusalp

Fusalp was conceived in 1952 by French tailors whose original concept brought the finest tailoring to technical skiwear outfits. From the breakthrough invention of a racing Ski suit in 1966 and throughout the brand's history, designs have focused on freeing movement and enhancing performance. More recently, Fusalp has established a luxury "fashion tech" positioning that resonates beyond the slopes. The evolution to a lifestyle brand means that our proposition constantly reflects developments in innovation and style.

For more information, please contact:

Sylvia Chew
Brand Communication Manager



Nespresso Malaysia

Address: Level 22, 1 Powerhouse, No.1 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +6012-591 3951

Email: Sylvia.Chew@nespresso.com

Saarah Jasmine

Assistant PR Manager

Nespresso Malaysia

Address: Level 22, 1 Powerhouse, No.1 Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +6017-3944018

Email: saarahjasmine.khairudin@nespresso.com

Priscilla Leong / Alia Mior/ Jacqueline Khoo

BCW Malaysia

Mobile: +60 10-276 5351 / +60 10-433 4268 / +6016-453 8183

Email: MYNespresso@bcw-global.com